

PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN AWAM UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG



PENGALAMAN MENGENDALI PENGAJARAN KOLABORATIF BAGI KOD CEW442 SEMESTER 2024/25 BERSAMA PENSYARAH TAMU UTHM

Sabariah Binti Badrealam

Pengajaran Kolaboratif ataupun Collaborative Teaching merupakan salah satu kriteria yang diambil kira semasa penilaian Sasaran Kerja Tahunan bagi setiap pensyarah di UiTM ini. Oleh yang demikian, setiap tahun akan diadakan kerjasama di antara pihak UiTM dan organisasi luar. Untuk merealisasikan pengajaran kolaboratif ini, bermulalah beberapa prosedur termasuklah pendaftaran CGCT secara atas talian, pencarian penceramah dan menghantar laporan CGCT kepada pihak CIDL. Inilah pengalamanku sebagai pensyarah untuk mengendalikan pengajaran kolaboratif ini termasuklah, menyediakan surat jemputan kepada pihak luar, di mana perbincangan berlaku terlebih dahulu melalui Whatsapp dan email bagi menetapkan tarikh, waktu dan tajuk yang sesuai sebelum surat jemputan menyusul kepada penceramah. Pada tanggal 12hb Jun 2024 jam 10 pagi di medium ZOOM satu perkongsian ilmu yang bertajuk Non Steady Flow (Gradually Varied Flow) telah berlangsung secara atas talian bersama Ts Dr. Sabariah Binti Musa dan 17 orang pelajar. Penceramah tamu yang dijemput ini, merupakan salah seorang pensyarah kanan di Jabatan Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan Awam Dan Alam Bina, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia yang berpengalaman melebihi 20 tahun dalam pengajaran. Pada semester ini, pelajar yang mendaftar kod CEW442 tidaklah ramai kerana kod ini ditawarkan kepadaambilan matrikulasi dan politeknik sahaja.

Melalui pengajaran kolaboratif ini, para pelajar dapat menambahkan ilmu pengetahuan dalam peajaran dan dapat juga bersilaturahmi bersama pensyarah dari universiti luar. Sesi perkongsian ilmu ini berjalan selama 2 jam, diawali dengan introduction of non steady flow dan juga beberapa contoh soalan yang berkaitan dengan tajuk yang dikongsikan. Di akhir sesi ini, beberapa tugas telah diberikan kepada para pelajar bagi memantapkan ilmu yang di kongsikan. Semoga dengan adanya pengajaran kolaboratif ini secara tidak langsung ia dapat meluaskan lagi jaringan industri pendidikan di UiTM dengan agensi luar. Beberapa keping gambar dan poster yang sempat di kongsikan sepanjang sesi pengajaran ini.

